

13 AUG 2002

Mahathir-Penuntut

MAHATHIR CADANG KELAB ANTARA KAUM BAGI RAPATKAN HUBUNGAN PENUNTUT

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata usaha secara proaktif perlu dilakukan untuk merapatkan hubungan antara penuntut pelbagai kaum di universiti bagi mengelakkan kewujudan masyarakat dewasa Malaysia yang memperlihatkan sikap perkauman yang semakin ketara.

Perdana Menteri mencadangkan supaya setiap universiti mengadakan kelab antara kaum yang bergiat antara lain dalam bidang sosial, sukan, lawatan pelajaran di dalam atau di luar negeri, dan berkelah.

Mereka juga boleh mengadakan kursus berkenaan adat resam, pantang larang dan sensitiviti kaum masing-masing, katanya ketika melancarkan Universiti Tunku Abdul Rahman di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata peserta kegiatan berkenaan mesti berusaha secara sedar untuk mengelak daripada bersengketa dan bertelagah sesama mereka terutama yang berasas kepada kelainan kaum.

"Kerajaan akan memberi galakan dan hadiah tertentu kepada kelab yang berjaya disertai oleh semua kaum serta berjaya mencipta cara-cara untuk merapatkan hubungan yang lebih erat," katanya.

"Sekarang ini penuntut di universiti mengasingkan diri mengikut kaum, tidak tinggal dalam dormitori atau bilik bersama.

"Di dewan kuliah, di padang permainan, dalam aktiviti kokurikulum dan lain-lain mereka duduk berasingan.

"Keadaan ini tidak sihat dan berbahaya bagi masa depan negara. Hakikatnya ialah apabila mereka keluar universiti untuk bekerja mereka akan bertemu dengan masyarakat berbilang kaum yang berbeza dari masyarakat dalam universiti," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun UTAR sebuah universiti swasta iaitu institusi pendidikan yang biasanya tidak mempunyai banyak penuntut Bumiputera, usaha mesti dibuat untuk menarik sebanyak mungkin golongan itu.

Dalam masa yang sama, Perdana Menteri berkata beliau tidak mahu melihat universiti di Malaysia semata-mata menjadi "certificate mills" yang hanya menjadi saluran ilmu yang datang dari luar sahaja.

Menurutnya, universiti perlu menyumbang ke arah mengurangkan cengkaman ahli pemikir Barat di pelbagai bidang termasuk sains politik dan sebaliknya mencetuskan pemikiran tulen berpunca daripada orang tempatan sendiri.

"Masanya sudah tiba untuk kita menyoal pemikiran Barat yang sekarang begitu menguasai dunia sehingga sesiapa yang menyoalnya akan dianggap "heretic" atau sudah terkeluar daripada aliran," katanya.

Dr Mahathir turut melahirkan harapan supaya universiti tempatan berusaha mencapai tahap keilmuan dan kaji selidik yang tinggi supaya ada di antara mereka menjadi terkenal di dunia sebagai pusat kecemerlangan sama seperti Oxford di Britain, Harvard di Amerika Syarikat dan Waseda di Jepun.

Ucapan Perdana Menteri turut menyentuh tentang pentingnya penguasaan bahasa Inggeris dalam mengejar ilmu terutamanya Sains, Matematik dan teknologi.

Beliau berkata bahasa Inggeris perlu digunakan sebagai bahasa pengantar sejak dari awal lagi sehingga ke peringkat universiti.

"Lagi pun, universiti di Malaysia hendaklah terbuka kepada semua kaum dan bahasa kebangsaan serta bahasa Inggeris adalah bahasa pengantar daripada sekolah lagi.

"Jika bahasa kaum diguna secara eksklusif dalam bidang Sains dan Matematik, maka universiti berkenaan akan tertutup kepada kaum-kaum lain

dan ini tidak sihat bagi negara berbilang kaum seperti Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata hanya kerana seseorang itu dapat bercakap dan berhujah dalam bahasa lain bahkan menggunakan nama daripada bangsa lain, ia tidak akan mengubah kaum dan identitinya kepada bangsa itu.

Menurutnya lagi, puak yang menuntut supaya identiti kaumnya tidak boleh dicemar akan hanya menyebabkan kaum lain pula membuat tuntutan yang sama.

"Apabila semua pihak berdegil dan membelakangkan kepentingan negara amnya, perpaduan dan keharmonian yang telah lama kita tegakkan dengan jayanya akan rosak dan hancur," katanya.

UTAR yang idea kewujudannya dicetuskan oleh MCA kini sedang dalam pembinaan bersebelahan Kolej Tunku Abdul Rahman di Setapak dan dijangka siap pertengahan tahun depan.

Kompleks yang dilaporkan berharga antara RM500 juta dan RM1 bilion itu akan mempunyai antara lain bangunan pentadbiran setinggi tujuh tingkat, empat dewan kuliah, 16 bilik kuliah, bangunan perpustakaan dan pusat sumber setinggi tiga tingkat serta makmal teknologi maklumat (IT).

-- BERNAMA

MAM MAM NMO